

11 OCT 2001

LIMA-BUSINESS FOCUS

BUSINESS FOCUS METERAI BERBAGAI PAKATAN DI LIMA

LANGKAWI, 11 Okt (Bernama) - Kumpulan Business Focus (BF) hari ini memeterai berbagai pakatan di pinggiran Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2001, di sini hari ini.

Upacara itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara pakatan yang dimeterai adalah di antara anak syarikat kumpulan itu, Business Focus Marine System Sdn Bhd dengan Kumpulan Kewangan dan Perusahaan (FIG) dari Russia bagi mengeluarkan "hydrofoil" dan "ekranaoplan" untuk pasaran tempatan dan Asean.

Satu memorandum perjanjian (MoA) juga dimeterai antara Business Focus Infra Sdn Bhd (BFI) dengan Polis Kebangsaan Filipina bagi membekal 10 unit perahu peronda berkelajuan tinggi. Projek ini bernilai RM18 juta.

Sementara itu, Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd (PSC) menerima surat anugerah oleh Penang Port Sdn Bhd bagi membekal, menghantar, menguji dan menjalankan enam unit rangka kren dengan lapan tayar getah untuk terminal Butterworth Utara pelabuhan itu. Projek itu bernilai RM22 juta.

PSC juga memeterai MoA dengan Universiti Teknologi Mara (UTM) untuk mengadakan skim biasiswa untuk enam pelajar program ijazah sarjana dalam bidang teknologi marin. Program itu bernilai RM240,000.

Akademi Teknologi Marin-PSC pula memeterai MoA dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta Universiti Sains Malaysia (USM) untuk bekerjasama dalam bidang-bidang tertentu. -- BERNAMA

MFZ MKO SEL JR